

Amalan Guru Bahasa Melayu di SKM dalam Merancang Pentaksiran Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Terbeza (*The Practice of Malay Language Teachers at SKM in Planning an Assessment Using Differentiated Learning Approaches*)

Faezah Saliman^{1*}, Zamri Mahamod²

¹ SK Kampung Buda, Betong

² Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

*Pengarang Koresponden: faz.miza@gmail.com

Accepted: 15 January 2023 | Published: 31 January 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.4.17>

Abstrak: Kualiti guru dapat dilihat apabila guru berjaya menjadi perancang dan pengawal pengajaran dan pembelajaran, pembimbing dan pendorong kepada murid serta menjadi penilai kepada proses pengajaran dan pembelajaran dengan menekankan kepelbagaian murid dalam setiap amalan yang dilaksanakan bagi menjayakan suatu pembelajaran murid yang berkesan. Justeru, objektif ini adalah untuk mengkaji amalan guru Bahasa Melayu di Sekolah Kurang Murid (SKM) dalam merancang pentaksiran menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza. Kajian yang direka bentuk menggunakan kajian kualitatif adalah berpandukan kepada kajian kes satu kes pelbagai tempat. Enam orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di empat buah Sekolah Kurang Murid di Bahagian Betong telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah instrumen temu bual mendalam. Temubual bersama peserta kajian ditranskripsi ke dalam bentuk dokumen dan dianalisis bagi mendapatkan tema serta subtema yang berkaitan objektif kajian. Data kajian juga dianalisis menggunakan jadual matriks untuk mendapatkan rumusan keseluruhan tema dan subtema. Hasil kajian mendapati bahawa amalan guru Bahasa Melayu di SKM dalam merancang pentaksiran adalah merancang pemilihan kandungan, merancang kaedah pentaksiran dan merancang tindakan susulan. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh guru-guru SKM yang lain dalam merancang pentaksiran menggunakan pendekatan terbeza. Kajian ini turut boleh membantu pengkaji lain menjalankan kajian lanjutan berkaitan dengan amalan pelaksanaan pentaksiran menggunakan pendekatan terbeza.

Kata kunci: amalan, pentaksiran, SKM, pembelajaran terbeza

Abstract: The quality of teachers can be seen when they succeed in being planners and controllers of teaching and learning, providing guidance and encouragement to the students as well as being evaluators of teaching and learning by emphasizing the diversity of students in every practice implemented to succeed an effective student learning. Therefore, this objective is to study the practices of Malay teachers in low enrolment schools (SKM) in planning assessments using a differentiated learning approach. This study designed using qualitative research are guided by multiple case studies. Six Malay teachers who taught in four low enrolment schools in Betong Division were selected by targeted sampling. The instrument used in this study is an in-depth interview. Interviews with the study participants were transcribed into documents and analyzed to obtain the themes and sub-themes related to the study objectives. The study data is also analyzed using matrix tables to obtain the overall

summary of themes and sub-themes. The study outcomes found that the practices of Malay teachers in SKM in planning assessment are to plan the content selection, assessment methods, and follow-up actions. This study outcomes can be used by the other SKM teachers in planning assessment using a differentiated approach. This study can also help other researches to carry out further studies related to the practice of assessment implementation using a differentiated approach.

Keywords: practice, assessment, SKM, differentiated learning approach

1. Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia sering mengalami perubahan sejak dahulu lagi. Perubahan demi perubahan yang dilakukan adalah untuk memastikan sistem pendidikan di negara ini mampu melonjakkan pencapaian murid agar dapat bersaing dalam persekitaran global yang semakin sengit. Hasil daripada tinjauan dan Dialog Nasional yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kualiti guru dan kualiti pemimpin sekolah amat dititikberatkan. Kajian antarabangsa yang telah dijalankan oleh KPM pula menunjukkan bahawa antara faktor terpenting yang signifikan dalam menentukan keberhasilan murid ialah kualiti guru. Justeru, menerusi PPIM 2013-2015, KPM akan memastikan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah menggunakan pendekatan berpusatkan murid dan terbeza.

Sehubungan dengan itu, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2) digubal semula untuk memastikan taraf pengajaran guru yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di semua institusi pendidikan. Standard 4 (Pembelajaran dan Pemudahcaraan) adalah untuk memberi penarafan kepada pedagogi guru yang perlu meliputi enam elemen utama iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif. Dengan kata lain, potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid secara berterusan dapat dihasilkan apabila guru bertindak sebagai pemudah cara semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Jemaah Nazir Sekolah, 2017).

Segala perancangan pengajaran, proses pembelajaran, suasana pembelajaran, bimbingan dan dorongan yang dijalankan sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung mengutamakan pelbagai aras keupayaan murid dalam setiap aspek tindakan guru (Jemaah Nazir Sekolah, 2019). Tomlinson (2008) pula menyatakan bahawa pädagogi terbeza mengambil kira kesediaan murid, minat murid serta profil pembelajaran murid sebelum guru merancang dan melaksanakan pengajaran di dalam bilik darjah. Pembelajaran terbeza dapat memenuhi kelbagaian keperluan murid (Danial Ariff, 2020) bagi mewujudkan suatu proses pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi. Keberhasilan serta kemenjadian murid ekoran daripada pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza menyerlahkan kualiti guru yang meraikan dan menghormati kepelbagaian murid dalam bilik darjah.

Penyataan Masalah

Tahap kualiti guru berdasarkan Standard 4 SKPMg2 amat mementingkan pelbagai aras dan keupayaan murid dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan. Maka kaedah tradisional berpusatkan guru telah berubah kepada pembelajaran abad ke-21 yang mengutamakan pembelajaran berpusatkan murid untuk mencipta proses pembelajaran yang menyeronokkan. Disebabkan itu, kepelbagaian murid dari aspek minat dan

kerelevanan kepada murid perlu diambil kira oleh guru sebelum merancang suatu proses pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan pengajaran berpusatkan guru pula menimbulkan masalah apabila murid yang beraras rendah sukar untuk memahami konsep manakala murid yang beraras tinggi dapat memahami isi pelajaran dengan cepat (Smith, 2007). Lantaran itu, proses PdP tidak mencapai matlamat berikutan sebilangan murid yang ketinggalan (Safiek, 2021) akibat tidak memahami isi pelajaran. Malah, disebabkan kebanyakan Sekolah Kurang Murid terletak di luar bandar, terdapat pelbagai cabaran dan kekurangan yang perlu dilalui oleh warga sekolah dalam memastikan murid mendapat pendidikan yang sepatutnya.

Kemahiran profesional guru amat dituntut ketika mendidik dan membimbing para pelajar supaya menjadi pelajar yang berilmu pengetahuan, berbudi pekerti dan berakhlak mulia amat dititikberatkan dalam amalan pemudahcaraan (Mok Soon Sang, 2011). Manakala beliau turut menyebut bahawa seorang guru perlu melakukan perlakuan mengajar yang meliputi aspek peancangan, pelaksanaan dan penilaian. Disebabkan itu, pentaksiran yang dilakukan oleh guru haruslah dirancang dan dilaksanakan dengan telus serta yang paling utama adalah guru harus memahami objektif dan tujuan pentaksiran dijalankan dalam suatu proses pengajaran dan pembelajaran.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka amalan merancang pentaksiran pembelajaran murid oleh guru Bahasa Melayu di Sekolah Kurang Murid menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza.

2. Tinjauan Literatur

Amalan Pentaksiran Bilik Darjah

Antara perubahan ketara yang dapat dilihat dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah perubahan sistem pentaksiran murid di Sekolah Rendah yang dahulunya hanya mengambil kira pencapaian murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), telah berubah kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula 2011 yang merangkumi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Psikometrik (Ppsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang lebih menyeluruh serta tidak hanya berfokus kepada aspek pembangunan kognitif semata-mata (Miftahuljanah dan Mohd Effendi, 2020). Perubahan ini adalah bertepatan sekali dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pendidikan di Malaysia sebagai satu landasan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu untuk menjadi insan yang seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Nor Azizah et al. (2020) menjelaskan bahawa PBD bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid yang ditaksir secara berterusan sepanjang PdP bagi membantu guru mendapatkan maklumat untuk menambah baik pengajaran mereka. Perkara tersebut turut disebut oleh McMillan (2004) yang menyatakan pentaksiran meliputi beberapa proses isitu proses mengumpul maklumat, proses meginterpretasi maklumat seterusnya proses menggunakan maklumat tersebut untuk membuat keputusan. Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018) menegaskan guru merupakan individu yang berperanan penting dalam melaksanakan PBD bermula dengan menentukan objektif pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran yang ditaksir, merancang, membina instrumen dan melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, melapor dan mengambil

tindakan susulan. Dalam kajian ini, pengkaji berfokus kepada peranan guru Bahasa Melayu sebagai perancang dalam memastikan PBD dilaksanakan semasa sesi PdP.

Sekolah Kurang Murid

Pelbagai negara di seluruh dunia telah memastikan semua murid berhak mendapat akses pendidikan dengan mewujudkan Sekolah Kurang Murid (SKM) (Nitce et al. 2017). Di Malaysia, terdapat 7% daripada enrolmen sekolah rendah yang mempunyai jumlah murid 150 orang dan ke bawah dikategorikan di bawah Sekolah Kurang Murid (KPM 2012). Bilangan murid yang sedikit ini tidak menjadi alasan kepada penubuhan SKM kerana penubuhan SKM adalah amat perlu bagi memastikan semua murid di seluruh pelusuk negara mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Di Malaysia, SKM juga terdapat di kawasan bandar-bandar besar misalnya di Kuala Lumpur (Dg Norizah et al. 2021) apatah lagi di kawasan lain yang penduduknya tidak sepadat di ibu kota tersebut. Namun begitu, negeri Sabah dan Sarawak mencatatkan bilangan SKM paling banyak kerana negeri-negeri tersebut mempunyai struktur geografi yang kompleks seperti kawasan berkukit dan sungai (Nitce et al. 2017).

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji aspek pendidikan dari sudut Sekolah Kurang Murid. Seperti mana yang dinyatakan oleh Nur Faezah dan Dg Norizah (2017), SKM mempunyai lebih kurang 15 orang bilangan staf termasuk guru dan anggota kumpulan pelaksana sahaja. Walaupun murid dan kakitangan di SKM juga sedikit, namun harapan yang diletakkan oleh pihak kementerian untuk memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan disekolah ini adalah sama seperti sekolah-sekolah yang lain. Oleh itu, prestasi sekolah adalah amat berkait rapat dengan pengaruh kepimpinan yang ada dalam organisasi tersebut (Nor Faezah dan Norizah 2017).

Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Terdapat lima prinsip yang perlu dipatuhi oleh guru semasa pelaksanaan pendekatan terbeza. Prinsip pertama adalah tugas yang diberikan oleh guru perlulah mengambil kira aspek kesaksamaan pertimbangan minat dan kerelevanan tugas tersebut kepada murid. Guru juga perlu memberikan peluang yang mencabar kepada murid untuk melalui proses pembelajaran yang dapat membantu murid dalam memantapkan kebolehan mereka. Perbezaan minat dan gaya pembelajaran juga perlu dititikberatkan. KPM (2019) turut menekankan bahawa proses pentaksiran tidak dapat dipisahkan semasa melaksanakan pembelajaran ini. Oleh itu, guru-guru perlu menilai murid setiap kali selepas selesai sesi pengajaran dan pembelajaran. Malah, guru perlu menekankan fleksibiliti dalam pembentukan kumpulan. Ini bermakna, setiap kumpulan yang dibina semasa pelaksanaan aktiviti perlu mengambil kira kepelbagaian tahap murid. Prinsip asas yang kelima adalah memberikan tugas yang dapat mengoptimumkan prestasi murid dengan menyediakan tugas yang lebih bermakna, signifikan dan menarik untuk murid pelajari.

Pembezaan produk dapat dilihat kepada produk apa yang telah murid hasilkan pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran. Produk inilah yang akan menentukan sama ada murid menguasai isi pelajaran ataupun tidak, produk juga boleh berbentuk ujian, projek atau aktiviti lain yang sesuai dengan kemahiran murid. Murid-murid juga diberikan kebebasan untuk menunjukkan kreativiti mereka dalam membuat aktiviti tentang konsep pembelajaran dengan pelbagai cara yang disukai oleh murid (KPM 2019). Sebagai contoh, produk pembelajaran murid boleh berupa pembinaan model, gambar, penulisan kreatif, main peranan, demonstrasi, bercerita, persembahan powerpoint mahupun secara permainan interaktif. Dengan kata yang lebih mudah, guru boleh membuat penilaian yang lebih luas terhadap apa sahaja hasil akhir yang ditunjukkan

oleh murid tentang produk tersebut dapat membantu guru menilai penguasaan pembelajaran mereka

3. Metodologi

Kajian ini berlandaskan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes iaitu kajian satu kes pelbagai tempat. Kajian satu kes merujuk kepada kajian terhadap amalan perancangan pentaksiran pembelajaran terbeza manakala pelbagai tempat merujuk kepada beberapa buah sekolah yang merupakan tempat sampel kajian berkhidmat.

Sampel merupakan sebahagian individu yang diambil melalui proses pensampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji (Mohd. Majid Konting, 1993). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan dengan memilih enam orang peserta kajian yang merupakan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang mengajar di Sekolah Kurang Murid (SKM). Keenam-enam peserta kajian ini berpengalaman memiliki ciri yang sama iaitu telah mengajar lebih daripada lima tahun. Peserta kajian juga terdiri daripada tiga orang guru lelaki dan tiga orang guru wanita.

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian adalah dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur secara mendalam. Temu bual dijalankan secara mendalam bagi membolehkan pengkaji mengumpul data untuk menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan seterusnya mencapai objektif kajian. Sesi temu bual akan dilakukan berulang kali sehingga data mencapai tahap ketepuan sebelum tema terakhir dibina.

Pengkaji mentranskripsi temu bual terlebih dahulu sebelum menganalisis data untuk mendapatkan tema-tema bagi memenuhi kehendak persoalan kajian. Data kemudiannya disusun dalam bentuk jadual matrik bagi mendapatkan gambaran tentang tema yang dikemukakan oleh peserta kajian.

4. Dapatan Kajian

Seramai 6 orang guru Bahasa Melayu telah dipilih sebagai peserta kajian. Mereka terdiri daripada guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar 5 tahun ke atas. Semua peserta kajian diberikan kod peserta kajian iaitu PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6. PK1, PK2 dan PK3 merupakan guru yang mengajar di sekolah SKM gred A, manakala PK4, PK5, dan PK6 merupakan guru yang mengajar di sekolah SKM gred B.

Berdasarkan temu bual mendalam yang dijalankan terhadap peserta kajian, amalan guru Bahasa Melayu di SKM dalam merancang pentaksiran menggunakan pendekatan terbeza dikategorikan kepada tiga langkah utama iaitu proses pemilihan kandungan pentaksiran, merancang kaedah pentaksiran serta merancang tindakan susulan.

Amalan Guru dalam Merancang Kandungan Pentaksiran

Hasil temu bual menunjukkan semua peserta kajian mengambil berat terhadap penggunaan DSKP sebagai dokumen rujukan utama dalam merancang sesi pembelajaran murid sepanjang tahun. Kesemua peserta bersetuju DSKP telah disusun dengan kemas oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dengan mengambil kira peningkatan pembelajaran bahasa murid setiap tahun. Selain itu, DSKP juga menjadi rujukan guru ketika merancang pentaksiran dan juga memberi penilaian pentaksiran murid berdasarkan Standard Prestasi bagi Tahap

Penguasaan murid dalam menguasai sesuatu kemahiran. Penjelasan daripada peserta kajian adalah seperti berikut:

“... Mun nak buat apa-apa dalam kelas memang perlu rujuk DSKP dolok. Nak merancang RPT, RPH. Apa lagik nak molah pentaksiran. Dalam ya lah kita merujuk TP mbiak kita...”
(PK6/SKMB/2022)

“... Yang bagusnya DSKP tok, tahap pembelajaran mbiak makin meningkat. Tahun 1 lain fokusnya. Tahun 2 ada penambahan gik kemahiran mbiak. Sampey la ke Tahun 6. Nang sidak ya udah nyusun bagus-bagus. Sebab ya bila mbiak dah habis Tahun 6, dengan harapan semua murid udah belajar semua kemahiran bahasa ya...”
(PK2/SKMA/2022)

“... Senang ajak. Mun nak mentaksir murid, tangga DSKP. Dalam ya ada kemahiran apa kita mok ajar. Lekak ya, rujuk lah TP nya. Apa yang murid ya capai. Jangan lupa catatkan pake evidens...”
(PK4/SKMB/2022)

Selain itu, peserta kajian turut menyatakan bahawa mereka turut merujuk kepada Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang telah disusun pada awal tahun untuk merancang kemahiran dan pentaksiran yang hendak dilaksanakan di dalam bilik darjah. RPT amat membantu guru-guru merancang pentaksiran kerana kemahiran telah disusun untuk pengajaran sepanjang tahun bermula dengan kemahiran mudah kepada kemahiran yang lebih sukar. PK1, PK2 dan PK6 menyediakan sendiri RPT mereka, manakala PK3, PK4, dan PK5 menggunakan RPT yang disediakan oleh panitia Bahasa Melayu di sekolah masing-masing. Kesemua peserta kajian berpendapat bahawa RPT yang digunakan oleh mereka telah dimuat turun dari sumber perkongsian guru-guru di Internet dan disesuaikan mengikut perancangan sekolah masing-masing. Penyataan daripada peserta kajian adalah seperti berikut:

“... RPT ada juak disedia. Ya lah ditangga mun nak molah RPH. Nyaman agik sebab dan disusun pakei minggu. Sengan ni dibelaja yo lah ditaksir kita. Jangan molah hai mentaksir nak belum belaja...”
(PK1/SKMB/2022)

“... Mun kmk nak molah RPH, nang kmk nangga RPT. RPT sekolah kamek nang dah disusun ketua panitia kamek. Dalam ya nang lengkap ada apa kemahiran nak diajar, apa standard kandungan. Nang nyaman kamek merujuk yo pakey merancang RPH, pakey merancang penilaian lam kelas...”
(PK3/SKMA/2022)

“... Zaman kinek tuk nang semua mudah. Download jak dari internet, kakya kito pun pandey-pandey ngato nya. Kamek ajar sigek kelas ajak, nyaman kamek nyedia RPT kamek pun...”
(PK4/SKMB/2022)

Sebelum merancang pentaksiran dalam bilik darjah, peserta kajian juga menyediakan RPH sebagai panduan pelaksanaan sesi pengajaran di dalam kelas. Maklumat RPH yang lengkap yang mengandungi kaedah pentaksiran, instrumen yang digunakan serta tindakan susulan yang dirancang adalah bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran atau kemahiran yang ingin dicapai. Peserta kajian juga berpendapat bahawa RPH adalah pelan tindakan seseorang guru di dalam bilik darjah dalam memastikan PdP yang dilaksanakan teratur dan berjalan lancar.

Malah, hasil temu bual juga mendapati bahawa peserta kajian turut menitikberatkan objektif yang mengutamakan pelbagai aras murid. Temu bual bersama peserta kajian adalah seperti berikut:

“... Kita cikgu sik boleh masuk kelas tanpa merancang apa-apa. Wajib bagi cikgu-cikgu untuk nyedia RPH sebelum masuk ke kelas. Macam kamek pun, kamek nang ada tulis apa pentaksiran yang kamek nak polah dalam RPH ya. Pentaksiran ya untuk nangga tercapai kah sik objektif kita pada hari ya...”
(PK2/SKMA/2022)

“... Kamek anggap RPH ya macam pelan tindakan kita, perjalanan kita nak menghabiskan masa satu jam dalam kelas, apa langkah-langkah pengajaran kita. Mun sik merancang, nang sik teratur PdP kita. Alu blur kelak...”
(PK4/SKMB/2022)

“... Pendekatan terbeza tok memang nampak la dalam RPH. Contohnya, objektif yang kita polah pun bukan sigek objektif ajak. Macam kamek, kamek ada tulis 3 objektif. Pertama untuk murid aras tinggi, pasya untuk murid aras sederhana dan aras rendah. Secara logiknya, mun murid aras rendah dapat capai objektif paling minimum, dah tentu murid lain dapat capai juak. Bezanya, untuk murid lain kita tinggikan sedikit aras pentaksirannya...”
(PK5/SKMB/2022)

Jadual di bawah menunjukkan rumusan tema dan subtema tentang rujukan utama peserta kajian dalam memilih kandungan untuk merancang pentaksiran di dalam bilik darjah.

Jadual 1: Amalan Guru Merancang Kandungan Pentaksiran Pembelajaran Terbeza

Tema	Pemilihan Kandungan		SKM A			SKM B		
	Subtema	Sub-subtema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
Rujukan utama	DSKP	• Panduan semua guru	X	X	X	X	X	X
		• Kurikulum yang telah disusun oleh BPK, KPM	X	X	X	X	X	X
		• Menentukan tahap penguasaan murid	X	X	X	X	X	X
	RPT	• Mengikut perancangan mingguan	X	X	X	X	X	X
		• Kemahiran disusun untuk pengajaran sepanjang tahun	X	X	X	X	X	X
		• Susunan kemahiran dari mudah ke sukar	X	X	X	X	X	X
		• Disediakan sendiri	X	X	-	-	-	X
		• Disediakan panitia	-	-	X	X	X	-
		• Muat turun dari Internet dan sesuaikan ikut sekolah	X	X	X	X	X	X
	RPH	• Pelan tindakan dalam bilik darjah	X	X	X	X	X	X
		• PdP teratur	X	X	X	X	X	X
		• Untuk mencapai objektif	X	X	X	X	X	X
		• Merangka pentaksiran di akhir pengajaran	X	X	X	X	X	X
		• Objektif merangkumi pelbagai aras murid	X	X	X	X	X	X

Ringkasnya, kesemua peserta kajian mengamalkan proses pemilihan kandungan dengan berasaskan sumber rujukan utama iaitu DSKP, menyusun atur pengajaran secara terancang

menggunakan RPT dan mengamalkan penulisan RPH setiap kali sebelum melaksanakan sesuatu pengajaran. Penulisan RPH pula menitikberatkan elemen pendekatan terbeza iaitu memastikan objektif yang pelbagai dengan mengambil kira kepelbagaian aras kognitif murid.

Pemilihan kaedah pentaksiran

Dalam merancang pentaksiran, keenam-enam peserta kajian menyatakan bahawa mereka memilih tiga kaedah utama untuk membuat pentaksiran pada akhir sesi pembelajaran murid iaitu kaedah pentaksiran secara lisan, secara bertulis dan secara pemerhatian.

Kaedah pentaksiran secara lisan menjadi pilihan peserta kajian untuk menilai kemahiran mendengar dan bertutur dan kemahiran membaca. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mengambil masa yang singkat. Oleh itu, pentaksiran secara lisan tidak memerlukan masa yang terlalu lama dan boleh dinilai secara terus. Pendekatan terbeza diaplikasikan dalam pentaksiran secara lisan dengan mengemukakan soalan aras rendah kepada soalan aras sukar untuk mentaksir murid. Temu bual bersama PK1, PK5 dan PK3 adalah seperti berikut:

“... Kaedah lisan nang selalu na dipolah dalam kelas. Boleh kata hari-hari ada soal jawab secara lisan terutamanya mun mengajar kemahiran dengar tutur ngan kemahiran membaca...”
(PK1/SKMA/2022)

“... Kaedah lisan tok lah paling senang dipolah, sebab kito sik perlu ambik masa yang lamak. Lagik-lagik mbiak dalam kelas kamek cuma tiga orang jak, kejap jak dah siap...”
(PK5/SKMB/2022)

“... Kaedah lisan tuk nang lantang dipolah, tapi jangan nanyak soalan susah ajak. Sik dapat biak lain jawab. Tanyak soalan mudah dolok untuk mbiak aras rendah. Lekak yo baruk nanyak soalan susah. Makesure sidak yo kelaka dalam bahasa Melayu baruk senang nak menilai...”
(PK3/SKMA/2022)

Hasil temu bual juga mendapati bahawa antara kekuatan pelaksanaan pentaksiran secara lisan ini adalah peserta kajian boleh memastikan wujudnya komunikasi dua hala semasa proses pembelajaran seterusnya dapat membantu murid untuk lebih fokus terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru. Kaedah pentaksiran secara lisan turut dijalankan secara pertandingan terutama ketika menilai penguasaan murid dalam aspek seni bahasa.

“... Waktu molah kaedah lisan tuk, komunikasi yang penting. Mun mbiak sik paham nak dipadah kito, sik guno juak...”
(PK4/SKMB/2022)

“... Kadang-kadang kamek suka juak molah pentaksiran lisan tok semasa mengajar seni bahasa. Kamek suka polah pertandingan sajak, pertandingan pantun. Sapa bagus bena berik hadiah. Dalam masa ya lah kamek menilai sidak ya...”
(PK6/SKMB/2022)

“... Kamek suko kaedah lisan tok sebab bila kita tanyak soalan, automatik murid-murid akan jadi fokus. Ado yang takut ditanyak, sidak akan cuba elak. Tapi mbiak sikit jak dalam kelas, nang semo kenak lah...”
(PK1/SKMA/2022)

Keenam-enam peserta kajian juga sering merancang pentaksiran bilik darjah menggunakan kaedah pentaksiran secara bertulis. Kaedah ini kerap digunakan terutamanya untuk menilai kemahiran menulis dan untuk menguji aspek tatabahasa. Hasil temu bual mendapati bahawa kekuatan pentaksiran secara bertulis ini adalah kerana hasil kerja murid lebih mudah dirujuk dan disimpan sebagai evidens tahap penguasaan murid. Selain itu, peserta kajian juga bersetuju bahawa pentaksiran kaedah bertulis ini lebih mudah dianalisis kerana peserta kajian dapat mengesan kesalahan murid dengan lebih tepat.

“... Dalam RPH kamek selalu ngkah kaedah pentaksiran bertulis tok. Terutama mun hari ya kamek ada ngaja kemahiran bertulis. Aspek tatabahasa pun nyaman juak nak nilai mun makey kaedah tok...”

(PK6/SKMB/2022)

“... Sigeek bagusnya kaedah bertulis tok, hasil kerja biak ya kita dapat simpan. Senang mun nak merujuk untuk evidens. Kita fotostat, kakya simpan dalam fail...”

(PK3/SKMA/2022)

“... Bila kita baca hasil kerja mbiak, kita dapat ngecek apa kelemahan biak ya. Contoh nya masalah disleksia kah, masalah nulis imbuhan kah, masalah kata nama khas contohnya. Semua ya kito dapat nangga dari tulisan mbiak...”

(PK2/SKMA/2022)

Kaedah terakhir yang digunakan oleh peserta kajian untuk mentaksir murid pada akhir pengajaran adalah kaedah pemerhatian. Keenam-enam peserta kajian menyatakan mereka turut merancang menjalankan pentaksiran menggunakan kaedah secara pemerhatian semasa di dalam bilik darjah. Namun begitu, hasil temu bual mendapati bahawa kemahiran yang dinilai oleh peserta kajian menerusi kaedah ini adalah kemahiran sosial murid. PK1, PK3, PK4 dan PK5 menyatakan bahawa guru perlu teliti sekiranya hendak menjalankan kaedah pemerhatian untuk menilai kemahiran bahasa. Manakala PK3 menyatakan beliau hanya menggunakan pentaksiran secara pemerhatian ini untuk menilai kemahiran sosial sahaja dan bukannya kemahiran bahasa. Hal ini kerana beliau tidak mahu dipengaruhi oleh unsur berat sebelah terhadap mana-mana murid.

“... Mun sekadar merancang, nang ada kamek letak kaedah pentaksiran secara pemerhatian. Tapi kamek salu nangga olahan biak ajak. Mun kemahiran bahasa, kamek selalu guna lisan dan bertulis...”

(PK1/SKMA/2022)

“... Ada kamek makey kaedah tuk. Bukan apa, mun molah pemerhatian, perlu molah catatan. Jadi, selalunya kamek sik ada molah catatan. Jadi, kaedah tuk sesuai agik mun menilai sahsiah murid...”

(PK5/SKMB/2022)

“... Walaupun kaedah tok bagus, tapi kamek jarang nak guna untuk nilai murid sebab kamek sik maok berat sebelah. Mbiak gak sikit, jadi semo mbiak rapat ngan kito...”

(PK3/SKMA/2022)

Jadual 2 di bawah menunjukkan rumusan tema dan subtema hasil daripada temu bual bersama peserta kajian tentang amalan guru dalam merancang kaedah pentaksiran murid di dalam bilik darjah.

Jadual 2: Amalan guru dalam merancang kaedah pentaksiran murid

Tema	Merancang Pentaksiran		SKM A			SKM B		
	Subtema	Sub-subtema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
Pemilihan kaedah pentaksiran	Secara Lisan	• Mudah dan cepat dilaksanakan	X	X	X	X	X	X
		• Soalan aras rendah ke aras tinggi	X	X	X	X	X	X
		• Komunikasi dua hala	X	X	X	X	X	X
		• Murid fokus dalam pdp	X	X	X	X	X	X
		• Persaingan sihat antara murid ketika pertandingan	X	X	X	X	X	X
		• Kemahiran dengar tutur	X	X	X	X	X	X
		• Kemahiran membaca	X	X	X	X	X	X
		• Aspek seni bahasa	X	X	X	X	X	X
	Secara Bertulis	• Dijadikan evidens	X	X	X	X	X	X
		• Mudah untuk dianalisis	X	X	X	X	X	X
		• Dapat kesan kesalahan pelajar dengan tepat	X	X	X	X	X	X
		• Menilai kemahiran menulis	X	X	X	X	X	X
		• Menilai penguasaan aspek tatabahasa	X	X	X	X	X	X
	Secara Pemerhatian	• Kemahiran sosial	X	X	X	X	X	X
		• Guru perlu teliti	X	-	X	-	X	X
		• Unsur berat sebelah	-	-	X	-	-	-

Ringkasnya, keenam-enam peserta kajian didapati mempunyai amalan merancang pentaksiran bilik darjah pada setiap satu sesi pengajaran. Pentaksiran yang dirancang menggunakan kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah pemerhatian dengan mengambil kira keterbezaan murid di dalam bilik darjah.

Merancang tindakan susulan

Proses terakhir dalam merancang pentaksiran adalah proses merancang tindakan susulan. Hasil temu bual bersama peserta kajian mendapati keenam-enam peserta kajian ada merancang proses tindakan susulan setelah selesai setiap kali sesi pengajaran. Tindakan susulan tersebut merangkumi murid aras rendah, murid aras sederhana dan juga murid aras tinggi. Kepelbagaian tindakan susulan ini membuktikan kesemua peserta kajian menerapkan elemen pendekatan terbeza dalam proses pentaksiran mereka.

Temu bual bersama peserta kajian menunjukkan bahawa tindakan susulan yang menjadi pilihan oleh peserta kajian untuk murid aras rendah ialah sesi pemulihan di dalam kelas, bimbingan berfokus intervensi bilik darjah dan bimbingan rakan sebaya. Namun begitu, PK4 tidak menjalankan intervensi luar bilik darjah atas kekangan masa mengajar yang terlalu banyak.

“... Biasa kamek memang rancang untuk pemulihan dalam kelas jak. Sebab kamek mengajar 33 waktu, jadi nang sik sempat nak polah di luar kelas. Bila mbiak lain polah pengukuhan dan pengayaan, kmk polah pemulihan untuk sidak nya...”
(PK4/SKMB/2022)

“... Pemulihan dalam kelas nang ada polah, tapi di luar kelas pun polah juak. Dalam kelas kita berfokus, di luar kelas kita mantapkan agik kemahiran sidaknya. Selalu kamek guna

bimbingan rakan sebaya lah, sebab sidak diam di asrama. Jadi senang lah nak ato program untuk sidak...”
(PK2/SKMA/2022)

“... Kamek ngaja tahap 1, jadi kamek sik prefer bimbingan rakan sebaya tok. Kelak sidak nya lebih banyak ke main kelak...”
(PK5/SKMB/2022)

Bagi murid aras sederhana, peserta kajian menyatakan bahawa mereka turut merancang aktiviti pengukuhan kepada murid. Tujuan aktiviti pengukuhan tersebut adalah untuk menambah pemahaman murid tentang kemahiran yang dipelajari pada hari tersebut. Hasil temu bual mendapati pelaksanaan aktiviti pengukuhan ini diadakan secara individu dan juga berkumpulan oleh peserta kajian.

“... Biasanya aktiviti pengukuhan nak dirancang kamek dalam kelas ya untuk bala mbiak lebih paham nak dibelaja sidak tek. Mun nya berjaya mencapai objektif, maksudnya nya pahamlah. Tapi kamek akan berikan soalan atau aktiviti yang aras yang tinggi sikit...”
(PK3/SKMA/2022)

“... Kadang kamek rancang untuk polah secara individu. Kadang secara kumpulan. Depend dengan akhir pengajaran ya lah mun masih banyak masa memang polah secara kumpulan...”
(PK5/SKMB/2022)

“... Kamek lebih suka secara individu sebenarnya. Mun berkumpulan, takut sidak nya banyak berkelaka jak. Tapi mun aktiviti pengukuhan ya sukar, nang kamek suruh polah dalam kumpulan jak...”
(PK6/SKMB/2022)

Manakala, bagi murid aras tinggi pula, peserta kajian menyediakan aktiviti pengayaan untuk mereka. Hasil temu bual bersama peserta kajian menjelaskan bahawa aktiviti pengayaan tersebut dirancang untuk meluaskan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid. Kesemua peserta kajian memberikan kebebasan kepada murid untuk melaksanakan aktiviti pengayaan supaya tidak menyekat kreativiti mereka. Antara hasil temu bual daripada peserta kajian adalah seperti berikut:

“... Murid aras tinggi tok kamek sik risau gilak. Sebab sidak nya nang boleh polah kemahiran diajar kita. Pengayaan ya cuma untuk mengembangkan pengetahuan sidak..”
(PK3/SKMA/2022)

“... Mun mbiak aras tinggi jangan sekat kreativiti sidak ya. Sebab kadang kita akan dapat hasil yang di luar jangkaan...”
(PK5/SKMA/2022)

“... Pengayaan sik semestinya polah dalam kelas. Suruh sidak polah di asrama kah, di rumah kah pun boleh.”
(PK2/SKMA/2022)

Jadual 3 di bawah menunjukkan ringkasan amalan guru bahasa Melayu dalam merancang tindakan susulan selepas melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Daripada rumusan tersebut

dapat dilihat keenam-enam peserta kajian ada merancang tindakan susulan dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran mereka.

Jadual 3: Amalan guru dalam merancang tindakan susulan

Tema	Merancang Pentaksiran		SKM A			SKM B		
	Subtema	Sub-subtema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
Merancang tindakan susulan	Murid aras rendah	• Pemulihan dalam kelas	X	X	X	X	X	X
		• Bimbingan berfokus	X	X	X	X	X	X
		• Intervensi luar bilik darjah	X	X	X	-	X	X
		• Bimbingan rakan sebaya	X	X	X	-	-	X
	Murid aras sederhana	• Aktiviti pengukuhan	X	X	X	X	X	X
		• Menambah pemahaman	X	X	X	X	X	X
		• Individu atau berkumpulan	X	X	X	X	X	X
	Murid aras tinggi	• Aktiviti pengayaan	X	X	X	X	X	X
		• Meluaskan kemahiran	X	X	X	X	X	X
		• Tidak menyekat kreativiti murid	X	X	X	X	X	X
		• Dibuat di luar waktu pdp	X	X	X	X	X	X

5. Perbincangan

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya menunjukkan guru Bahasa Melayu di SKM menunjukkan amalan yang positif dalam merancang pentaksiran murid menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza. Perkara dapat dilihat dengan jelas apabila guru-guru merujuk kepada DSKP untuk menentukan objektif pembelajaran dan menentukan tahap pencapaian murid. Sebagaimana yang turut dinyatakan oleh Artika (2019) iaitu guru menjadikan penilaian tahap penguasaan murid berpandukan DSKP untuk merancang, melaksana dan membuat penambahbaikan sesi PdPc. Hal ini turut dijelaskan oleh Hazuriana dan Khairul (2022) bahawa standard kandungan dan objektif pembelajaran yang hendak dicapai oleh murid perlu dinyatakan kepada murid sebelum PdP bermula untuk memastikan murid-murid mengetahui tanggungjawab mereka ketika sesi PdP berlangsung. Oleh itu, sebagai perancang pentaksiran, guru perlu bersedia dengan objektif pembelajaran yang jelas berdasarkan kepelbagaian tahap murid serta kriteria kejayaan yang ingin dicapai bagi memastikan guru dapat menilai kemahiran bahasa murid pada akhir sesi pembelajaran.

Kepekaan guru terhadap kepelbagaian murid juga dapat dilihat dalam proses merancang kaedah pentaksiran. Guru-guru Bahasa Melayu di SKM mempelbagaikan kaedah pentaksiran yang bertepatan dengan kemahiran bahasa yang dipelajari pada satu-satu sesi PdP dengan tujuan untuk memastikan murid-murid dapat ditaksir sesuai dengan keperluan dan keupayaan murid. Perkara ini turut disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Nor Azizah et al. (2020) yang mendapati bahawa kaedah pentaksiran yang kerap digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah dalam melaksanakan PBD ialah kaedah pentaksiran lisan, pentaksiran pemerhatian dan pentaksiran penulisan. Namun begitu, cabaran yang harus ditempuhi oleh guru-guru adalah pematuhan tempoh masa sesi PdP kerana masa yang diperuntukkan perlu dimanfaatkan untuk menerapkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai serta masa yang sama mentaksir pembelajaran murid (Miftahuljanah dan Mohd Effendi, 2020). Maka, kebijaksanaan guru dalam menguruskan masa ketika sesi PdP berlangsung perlu dititikberatkan agar pentaksiran yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi menambah baik pengajaran serta mendorong murid menonjolkan kebolehan mereka dalam penguasaan kemahiran Bahasa Melayu, guru-guru Bahasa Melayu di SKM turut merancang tindakan susulan setelah selesai sesi PdP secara menyeluruh mencangkupi semua aras pencapaian murid. Tindakan merancang tindakan susulan ini bertepatan dengan ketetapan yang digariskan oleh BPK (2018) yang menuntut guru-guru membuat tindakan susulan setelah selesai sesi PdP. Perkara ini turut ditekankan dalam Model Pengajaran Robert Glaser (1962) iaitu proses pengajaran merupakan proses yang menitikberatkan langkah-langkah pengajaran iaitu perancangan, penilaian dan maklum balas. Malah, perancangan guru yang merancang tindakan susulan merangkumi semua tahap kognitif murid menunjukkan kualiti guru sebagai perancang berdasarkan Standard 4 SKPMg2. Sehubungan dengan itu, semua pihak berkepentingan termasuk Ketua Panitia, Guru Penolong Kanan Pentadbiran serta Ketua Jabatan perlu memastikan tindakan susulan yang dirancang oleh guru-guru pada akhir sesi PdP dilaksanakan sepenuhnya bagi memastikan murid-murid yang mempunyai pelbagai keterbezaan mampu menguasai kemahiran Bahasa Melayu dengan baik.

6. Kesimpulan

Guru-guru Bahasa Melayu di SKM mempunyai kemahiran merancang pentaksiran dengan baik bermula dari proses pemilihan kandungan pentaksiran, pemilihan kaedah pentaksiran serta merancang tindakan susulan yang sesuai dengan aras murid sebagaimana yang dikehendaki dalam prinsip pembelajaran terbeza. Hal ini juga jelas selaras dengan kualiti guru dalam SKPMg2 4.5.1 yang menuntut guru melaksanakan pentaksiran secara menyeluruh dari segi kecukupan dan kecakupan serta meliputi semua tahap murid. Justeru itu, dalam memastikan kemenjadian dan keberhasilan murid seperti yang diharapkan dalam PPIM 2013-2015, guru sebagai perancang pentaksiran perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan pertimbangan profesional untuk menambah baik sistem pentaksiran di Malaysia. Pentaksiran yang mengambil kira potensi murid secara menyeluruh dan berterusan harus menjadi amalan kepada semua guru di Malaysia, bukan sahaja kepada guru-guru yang mengajar di SKM tetapi juga kepada semua guru di seluruh negara. Pentaksiran pembelajaran yang berpusatkan murid dan terbeza secara holistik dan autentik berupaya mengembangkan potensi murid untuk meningkatkan keupayaan mereka secara optimum. Dicadangkan juga kajian berkaitan amalan pelaksanaan pentaksiran serta masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu di SKM semasa melaksanakan pentaksiran sebagai kajian lanjutan.

Rujukan

- Artika Rasul Sulaiman. (2019). Tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam Pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*. 6(1):1-7.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya.
- Danial Arif Abdul Mutallip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 10(2):29-42.
- Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli, Roslee Bin Talip, Tan Choon Keong, Soon Singh A/L Bikar Sing, Lee Bih Ni. Rosy Talin & Mad Noor B. Madjapuni. (2021). pengaruh pembangunan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke 21 terhadap pembentukan sahsiah murid Sekolah Kurang Murid (SKM) luar bandar di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(1):119-127.

- Hazuriana Hajmi & Khairul Jamaludin. (2022). Kesediaan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4(4):119-125.
- Jemaah Nazir Sekolah. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Pernyataan Standard SKPMg2. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jemaah Nazir. (2019). *Buku Panduan Pendidikan Moral*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Pusat Sumber Bahagian Teknologi Negeri Selangor. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Manual Pembelajaran Terbeza*. Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah. Pulau Pinang.
- Miftahuljanah Kamaruddin & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2020). Kualiti pertimbangan profesional guru dan penerapan IB Learner Profile berdasarkan amalan pentaksiran dalam Middle Years Programme International Baccalaureate. *Proceeding – Malaysia International Convention on Education Research & Management*. 34-44. Bandar Baru Bangi.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. (2011). *Pedagogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nitce Isa Medina Machmudi Isa, Azlin Norhaini Mansor & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2017). Cabaran Kepimpinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Kurang Murid. *Prosiding semiunar pendidikan serantau ke VIII*. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Fakultas Keguruan & Ilmu Pendidikan, Universitas Riau.
- Nor Azizah Atan, Zaharah Mohamad, Norasyikin Yaacob & Norshila Shafie. (2020). Amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. *Proceedings of International Conference on The Future of Education*. 184-196. Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang.
- Nor Faezah Arfan & Dg Norizah Ag Kiflie@Dzulkifli. (2017). Kepimpinan Instruksional, sekolah berkesan dan budaya organisasi di pedalaman Sarawak. *Seminar Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2017*. Universiti Malaysia Sabah.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi pelaksanaan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah:satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*. 4(3):9-18.
- Smit, R., Hyry-Belhammer, E. K. & Raggl, A. (2015) Teaching and learning in small, rural schools in four European countries: Introduction and synthesis of mixed-/multi-age approaches. *International Journal of Educational Research*. 74 : 97-103.
- Tomlinson, C. A. (2008). The goals of differentiation. *Educational Leadership* 66(3):26–30.